

Dua pelajar terkandas dalam banjir hampir dihanyutkan arus deras

Mesej WhatsApp jadi penyelamat

Oleh NURSURAYA ZULKIFLI

ALOR GAJAH – Dua sahabat berdepan detik cemas apabila kereta Proton Persona yang mereka naiki terperangkap dalam banjir yang kemudiannya hampir hanyut dibawa arus dalam kejadian di Jalan Datuk Megat Alam Melintang, Kampung Cherana Putih petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 4 petang itu, Nurul Syafiqqah Shamsuddin, 19, bersama rakannya, Nurain Annisah Mohd. Zulkifli, 19, dalam perjalanan pulang ke rumah sewa mereka dari salah sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) berhampiran selepas tamat kelas petang.

Menurut Nurul Shafiqqah, ketika meredah jalan berhampiran sungai yang sudah ditenggelami air itu, enjin kereta Proton Persona dipandu oleh Nurain tiba-tiba mati.

“Pada mulanya kami menyangkakan jalan yang ditenggelami air itu tidak dalam, namun beberapa minit sahaja, air mula meningkat dengan arus deras dan memasuki dalam kereta menerusi pintu sebelah penumpang tempat saya duduk.

“Kami kemudiannya cuba membuka pintu di sebelah tempat duduk pemandu dan berjaya keluar walaupun terpaksa berpaut seketika



KEADAAN kereta Proton Persona yang dinaiki Nurul Syafiqqah dan Nurain ditenggelami banjir di Cherana Putih, Taboh Naning, Alor Gajah kelmarin.

pada pintu kereta memandangkan arus deras dan air hingga ke paras dada,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Nurul Shafiqqah yang cemas kerana tidak tahu berenang memberitahu, dalam keadaan kelim-kabut, Nurain sempat menghantar mesej menerusi aplikasi WhatsApp kepada rakan-rakannya meminta bantuan.

Katanya, selepas hampir setengah jam menunggu dengan berpaut pada

kereta itu, pihak bomba dan rakan-rakan sepengajian tiba di lokasi lalu membantu mengeluarkan mereka daripada banjir tersebut.

“Alhamdulillah, semuanya selamat meskipun kejadian itu membuatkan kami berdua trauma,” katanya.

Kejadian banjir tersebut turut menyebabkan kira-kira 30 buah rumah di beberapa kawasan Cherana Putih, Taboh Naning turut dinaiki air selepas hujan lebat lebih dua jam sejak pukul 3 petang itu.



NURUL SHAFIQQAH (dua dari kanan) dan Nurain (dua dari kiri) dibantu anggota bomba keluar dari kawasan banjir di Cherana Putih, Taboh Naning.